

NOTICE TO PROXIES

Under The Personal Data Protection Act 2010

The Personal Data Protection Act 2010 (the **Act**), which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to Sime Darby Berhad (**Sime Darby, our, us or we**). For the purpose of this written notice (**Notice**), the terms “personal data” and “processing” shall have the same meaning as prescribed in the Act.

1. This Notice serves to inform you that your personal data is being processed by us or on our behalf and you hereby give your consent to the processing of your personal data.
2. Your personal data includes but is not limited to your name, date of birth, age, Malaysian Identification Card number, passport number, other personal identification number and/or copies of any identification card, nationality, designation, gender, e-mail address, address, facsimile number, contact number, photographs, voice recording, CCTV images and footages and all other personal data we again collect from you on any subsequent occasion.
3. Your personal data is being or is to be collected and further processed for:
 - (a) internal record keeping including but not limited to the verification of attendance of shareholders and/or proxies at the Annual General Meeting (**AGM**) and/or other general meeting(s);
 - (b) providing you with annual reports, circulars, proxy forms and other relevant documents in your capacity as a proxy to the shareholder;
 - (c) sending notices of the AGM and/or other general meeting(s);
 - (d) verification and counting of votes during polling exercise held at AGM and/or other general meeting(s) of holder of class of shares of Sime Darby;
 - (e) preparation of meeting minutes from the AGM and/or other general meeting(s);
 - (f) your appointment as a proxy;
 - (g) allowing you to exercise your rights as a proxy of a shareholder of Sime Darby;
 - (h) our corporate governance;
 - (i) internal investigations, audit, security and fraud prevention purposes;
 - (j) if relevant, preparing guest invitations, registration and/or sign-up for any related events (**Events**);
 - (k) where relevant, granting you access to any relevant premises/facilities, including without limitation the premises/facilities owned, operated or managed by us or on our behalf (**Our Premises**) subject to any relevant terms and conditions;
 - (l) communicating with you;
 - (m) responding to your inquiries;
 - (n) conducting internal activities;
 - (o) market surveys and trend analysis;
 - (p) providing you with information on our products and services and those of our and our related corporations and our business partner;
 - (q) legitimate business activities;
 - (r) contemplated or actual corporate restructuring or corporate transaction involving us including without limitation any joint venture, merger, acquisition, restructuring and/or reorganisation and/or acquisition, disposition, sale, assignment and/or transfer of any or all portion of our business, rights, obligations, assets or stock (**Corporate Transaction**);
 - (s) complying with any legal, statutory and/or regulatory requirements including but not limited to the Companies Act 2016 and the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad; and/or
 - (t) such other purposes directly related to the foregoing.

(collectively, the **Purposes**).

4. Your personal data is being or is to be collected from a variety of sources, including but without limitation:
- (a) from any instrument and/or submission in regard to the appointment of proxy including but not limited to proxy form and power of attorney;
 - (b) from the information directly provided by you or on your behalf to us;
 - (c) from our share registrar, Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd (**Tricor**);
 - (d) through Bursa Malaysia Berhad and its subsidiaries and related companies;
 - (e) through any third parties including but not limited to, the shareholders' (to whom you are a proxy to) stockbrokers, agents, remisiers, trustee through which the shareholder trade in;
 - (f) photographs and recordings which may be captured during AGM and/or other general meetings of which you may attend;
 - (g) when you visit Our Premises in person;
 - (h) via any Sime Darby websites and/or the cookies;
 - (i) from any information or document submitted or provided by you to us for any of the Purposes;
 - (j) when you inquire about, register for or participate in any Events;
 - (k) when you contact us through various methods such as telephone calls, emails and/or the Platform;
 - (l) from CCTV; and/or
 - (m) all other communications between you and us and all other information that you may provide to us from time to time.
5. You have the right to request access to and to request correction of your personal data and to contact us with any inquiries or complaints in respect of your personal data (including the possible choices and means for limiting the processing of your personal data or to cease or not begin processing your personal data for purposes of direct marketing) from our share registrar, Tricor, as follows:
- Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd
Unit 32-01, Level 32, Tower A
Vertical Business Suite
Avenue 3, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
- Attention: Ms Lim Lay Kiow, Senior Manager
Telephone: +(603) 2783 9299
Facsimile: +(603) 2783 9222
Email: is.enquiry@my.tricorglobal.com
6. Subject to provisions of the Act:
- (a) you may, upon payment of a prescribed fee, make a data access request in writing to us; and
 - (b) we may refuse to comply with a data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of our refusal and the reasons of our refusal.

NOTICE TO PROXIES

Under The Personal Data Protection Act 2010

7. We disclose or may disclose your personal data for the Purposes to the following:
 - (a) our related corporations, subsidiaries, affiliates and/or our group companies;
 - (b) our share registrar;
 - (c) our professional service providers such as accountants and legal advisors;
 - (d) our business partners, contractors and service providers, including without limitation our payment provider who will manage dividend payments, data centre service providers, storage facility and records management service providers, cloud service providers, telecommunications and information technology service providers and/or data analytics and marketing agencies;
 - (e) fraud prevention agencies, credit reporting agencies, background check agencies and/or our financial and other professional advisors (where relevant);
 - (f) banks, insurance companies, payment verification providers and payment processors (where relevant);
 - (g) governmental departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies and law enforcement officer;
 - (h) such third party as requested for or authorised by you;
 - (i) safety and security personnel;
 - (j) our actual or potential assignee, assignor, transferee, transferor, acquirer or acquiree in respect of our rights, interests and/or properties;
 - (k) third parties due to any actual or potential Corporate Transaction; and/or
 - (l) other third parties for any of the Purposes.
8. We may require your assistance if the personal data relating to other persons is required to process your personal data for the Purposes and you hereby agree to use your best endeavours to assist us when required.
9. It is obligatory that you supply us the information marked or specified as compulsory in our forms (collectively, **compulsory personal data**). If you fail to supply us the compulsory personal data, we may refuse to process your personal data for any of the Purposes. If we refuse to comply with such a request, we will inform you of our refusal and the reason for our refusal.
10. We may transfer your personal data to a place outside Malaysia and you hereby give your consent to the transfer.
11. You are responsible for ensuring that the information you provide us is accurate, complete, not misleading and is kept up to date.
12. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

NOTIS KEPADA PROKSI

Di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (**Akta** tersebut) yang mengawal selia pemrosesan data peribadi dalam transaksi komersial, terpakai kepada Sime Darby Berhad (**Sime Darby** atau **kami**). Untuk tujuan notis bertulis ini (**Notis**), terma-terma “data peribadi” dan “pemrosesan” mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrif dalam Akta tersebut.

1. Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak kami dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda bagi pemrosesan data peribadi anda.
 2. Data peribadi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, tarikh lahir, umur, nombor Kad Pengenalan Malaysia, nombor pasport, nombor pengenalan peribadi lain dan/atau salinan kad pengenalan, kewarganegaraan, jawatan, jantina, alamat e-mel, alamat, nombor faks, nombor telefon, gambar, rakaman suara, imej dan rakaman CCTV, data peribadi lain yang dihantar atau dikemukakan oleh anda kepada kami dari semasa ke semasa dan semua data peribadi lain kami sekali lagi kumpul daripada anda pada bila-bila masa kemudiannya.
 3. Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya untuk:
 - (a) penyimpanan rekod dalaman termasuk tetapi tidak terhad kepada pengesahan kehadiran pemegang saham dan/atau proksi di Mesyuarat Agung Tahunan (**MAT**) dan/atau mesyuarat agung lain;
 - (b) membekalkan anda dengan laporan-laporan tahunan, pekeliling, borang proksi dan dokumen-dokumen lain yang berkenaan dalam kapasiti anda sebagai proksi kepada pemegang saham;
 - (c) mengirimkan notis untuk MAT dan/atau mesyuarat agung lain;
 - (d) pengesahan dan pengiraan undi semasa latihan mengundi diadakan di MAT dan/atau mesyuarat agung lain pemegang kelas saham Sime Darby;
 - (e) penyediaan minit mesyuarat dari perjumpaan MAT dan/atau mesyuarat agung lain;
 - (f) perlantikan anda sebagai proksi;
 - (g) membenarkan anda melaksanakan hak-hak anda sebagai proksi pemegang saham Sime Darby;
 - (h) tadbir urus korporat kami;
 - (i) untuk siasatan dalaman, audit, keselamatan dan pencegahan penipuan;
 - (j) jika relevan, menyediakan jemputan tetamu, pendaftaran dan/atau penyertaan untuk acara-acara kami (**Acara**);
 - (k) jika relevan, memberikan anda akses kepada mana-mana premis/kemudahan berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada premis/kemudahan yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh, atau bagi pihak kami (**Premis Kami**) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang berkaitan;
 - (l) berhubung dengan anda;
 - (m) menjawab pertanyaan anda;
 - (n) melaksanakan kegiatan dalaman;
 - (o) tinjauan pasaran dan analisis kecenderungan;
 - (p) memberi anda maklumat tentang produk dan perkhidmatan kami dan syarikat-syarikat berkaitan kami dan rakan-rakan perniagaan kami;
 - (q) kegiatan-kegiatan perniagaan sah;
 - (r) penstrukturan semula atau transaksi korporat sebenar atau yang dijangkakan yang melibatkan kami termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang usahasama, penggabungan, pengambilalihan, penstrukturan semula dan/atau penyusunan semula dan/atau pemerolehan, pelupusan, penjualan, penyerahan dan/atau pemindahan mana-mana atau semua bahagian perniagaan, hak, obligasi, aset atau stok kami (**Transaksi Korporat**);
 - (s) memenuhi apa-apa kehendak undang-undang, statut dan/atau pengawalseliaan termasuk tetapi tidak terhad Akta Syarikat Malaysia 2016 dan Keperluan Penyeneraian Bursa Malaysia Securities Berhad; dan/atau
 - (t) maksud-maksud lain yang berhubungan secara langsung dengan yang tersebut di atas.
- (secara kolektif, **Maksud-maksud** tersebut).

NOTIS KEPADA PROKSI

Di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

4. Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dari pelbagai sumber, termasuk tanpa had:
 - (a) dari sebarang instrumen dan/atau dokumen yang dikemukakan berkenaan dengan pelantikan proksi termasuk tetapi tidak terhad kepada borang proksi dan surat kuasa wakil;
 - (b) dari maklumat yang dikemukakan/dihantar secara langsung oleh anda atau bagi pihak anda kepada kami;
 - (c) dari pendaftar saham kami, Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd (**Tricor**);
 - (d) melalui Bursa Malaysia Berhad dan subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkaitan
 - (e) melalui mana-mana pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada, broker saham pemegang saham (kepada siapa anda menjadi proksi), ejen, remisier, pemegang amanah di mana pemegang saham berdagang;
 - (f) gambar dan rakaman yang mungkin diambil semasa MAT dan/atau mesyuarat agung lain yang dihadiri oleh anda;
 - (g) apabila anda melawat Premis Kami;
 - (h) melalui laman web Sime Darby (**Platform**) dan/atau dari cookies;
 - (i) dari mana-mana maklumat atau dokumen yang dikemukakan, dihantar atau diberikan oleh anda kepada kami untuk mana-mana Maksud-maksud tersebut;
 - (j) apabila anda bertanya tentang, mendaftar untuk atau menyertai mana-mana Acara;
 - (k) apabila anda menghubungi kami melalui pelbagai kaedah seperti panggilan telefon, e-mel dan/atau Platform;
 - (l) dari CCTV; dan/atau
 - (m) dari semua komunikasi lain antara anda dan kami dan dari semua maklumat lain yang anda mungkin berikan kepada kami dari masa ke semasa.

5. Anda berhak untuk meminta akses kepada dan meminta pembetulan terhadap data peribadi anda dan untuk menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda (termasuk pilihan-pilihan dan cara-cara yang mungkin untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi anda atau untuk memberhentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda bagi maksud pemasaran langsung) daripada pendaftar saham kami, Tricor, seperti berikut:

Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd
Unit 32-01, Level 32, Tower A
Vertical Business Suite
Avenue 3, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

Untuk Perhatian: Cik Lim Lay Kiow, Pengurus Kanan
No. Telefon: +(603) 2783 9299
No. Faks: +(603) 2783 9222
Alamat E-mel: is.enquiry@my.tricorglobal.com

6. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta tersebut:
 - (a) anda boleh, setelah membayar fi yang ditetapkan, membuat suatu permintaan mengakses data secara bertulis kepada kami; dan
 - (b) kami boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data dan kami akan memaklumkan kepada anda, melalui notis bertulis, mengenai keengganan tersebut dan sebab-sebab bagi keengganan tersebut.

7. Kami mendedahkan atau boleh mendedahkan data peribadi anda untuk Maksud-maksud tersebut kepada pihak berikut:
 - (a) perbadanan-perbadanan berkaitan kami dan/atau syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan/atau kumpulan kami;
 - (b) pendaftar saham kami;
 - (c) pembekal perkhidmatan profesional kami, seperti akauntan dan penasihat undang-undang;
 - (d) rakan-rakan perniagaan, kontraktor dan pembekal perkhidmatan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal perkhidmatan pembayaran yang akan menguruskan pembayaran dividen, pembekal perkhidmatan pusat data kami, pembekal kemudahan penyimpanan dan pengurusan rekod, pembekal perkhidmatan awan, pembekal perkhidmatan telekomunikasi dan teknologi maklumat dan/atau penganalisis data dan agensi pemasaran;
 - (e) agensi pencegahan penipuan, agensi pelaporan kredit dan agensi semakan latarbelakang dan/atau penasihat kewangan atau profesional kami (jika relevan);
 - (f) bank, syarikat insurans, pembekal perkhidmatan pengesahan pembayaran dan pemproses pembayaran (jika relevan);
 - (g) jabatan dan/atau agensi kerajaan dan pihak berkuasa pengawalseliaan dan/atau badan berkanun dan pegawai penguatkuasa undang-undang;
 - (h) mana-mana pihak ketiga yang diminta atau dibenarkan oleh anda;
 - (i) kakitangan keselamatan dan sekuriti;
 - (j) pihak ketiga yang kepadanya hak, kepentingan dan/atau harta kami dipindahkan/diserahkan, pihak ketiga yang memindahkan/menyerahkan haknya, kepentingannya dan/atau hartanya kepada kami, pihak ketiga yang memperoleh hak, kepentingan dan/atau harta kami atau pihak ketiga yang haknya, kepentingannya dan/atau hartanya kami memperoleh (sebenar atau yang dijangkakan);
 - (k) pihak ketiga disebabkan oleh Transaksi Korporat yang sebenar atau yang dijangkakan; dan/atau
 - (l) pihak ketiga lain untuk mana-mana Maksud-maksud tersebut.
8. Kami mungkin memerlukan bantuan anda jika data peribadi yang berhubungan dengan orang lain dikehendaki untuk memproses data peribadi anda untuk Maksud-maksud tersebut dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk membantu kami bila dikehendaki.
9. Ia adalah wajib untuk anda memberikan kepada kami butir-butir yang ditandakan atau dinyatakan sebagai wajib dalam borang kami (secara kolektif, **data peribadi wajib**). Jika anda gagal untuk memberikan kami data peribadi wajib tersebut, kami boleh enggan untuk memproses data peribadi anda untuk mana-mana Maksud-maksud tersebut. Kami akan memaklumkan kepada anda tentang keengganan kami berserta alasan-alasan kami.
10. Kami boleh memindahkan data peribadi anda ke sesuatu tempat di luar Malaysia dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda terhadap pemindahan tersebut.
11. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.
12. Sekiranya terdapat apa-apa konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia dalam Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.